

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 25/08/2007

UMNO ditubuh di Kampung Baru, Kuala Lumpur

Ulu - 25/8/2007
SHAHALAM 24 Ogos - UMNO tidak ditubuhkan di Johor seperti yang disangka oleh banyak pihak tetapi di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur, kata Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Dr. Mohamad Khir Toyo.

Menurut beliau, sejarah penubuhan UMNO bermula apabila ada ura-ura kerajaan British untuk mewujudkan Malayan Union di Tanah Melayu menyebabkan Persatuan Melayu Selangor menghantarsurat bantahan.

Ketika itu, katanya, persatuan tersebut dipimpin oleh Yunus Hamdi manakala Zainal Abidin Ahmad atau Zaaba sebagai setiausaha.

Kata Mohamad Khir, Persatuan Melayu Selangor juga menjadi tunjang kepada perkumpulan orang Melayu yang diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946 di Kampung Baru.

"Dalam perhimpunan tersebut, ada 41 bacan yang berkumpul di Kelab Sultan Sulaiman dan dalam pertemuan itu, Datuk Onn Jaafar dilantik menjadi Presiden United Malay Organisation atau UMO tetapi Zaaba menjadikannya United Malay National Organisation atau UMNO.

"Kerana Datuk Onn orang Johor, beliau kemudian membawa UMNO ke Johor dan dirasmikan oleh Sultan Johor," katanya.

Beliau berkata demikian sebagai memperbetulkan fakta sejarah mengenai perubahan UMNO dalam satu temu bual untuk buletin rasmi kerajaan negeri Selangor, *Suara Selangor Maju* keluaran 31 Ogos ini.

Mohamad Khir turut membetulkan fakta mengenai Raja Melayu pertama yang menyokong UMNO.

"Ada juga orang mengatakan bahawa Raja Melayu pertama yang menyokong UMNO ialah Sultan Johor.

"Itupun saya nak nafikan kerana Raja pertama yang menyokong UMNO adalah Sultan Selangor, Sultan Hishamuddin Alam Shah yang telah membiayai perbelanjaan perkumpulan Melayu pertama di Kelab Sultan Sulaiman dengan kos lebih kurang RM15,000.

"Jika hari ini, nilainya hampir sejuta ringgit," kata beliau.

Menguatkan hujahnya, Mohamad Khir memberitahu, Sultan Hishamuddin bertitah bahawa perkumpulan itu akan kekal lama jika ia mengambil dua perkara sebagai penyatuan orang Melayu.

Perkara pertama yang dititah oleh baginda, kata beliau, ialah perjuangan agama Islam sebagai agama rasmi yang akan mengikat hati nurani orang Melayu.

Perkara kedua pula, kata Mohamad Khir, ialah mesti berani dan terus membela dan memperjuangkan hak orang Melayu.